**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# 2024









# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

## HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI KAWASAN PARLIMEN

## P.129 KUALA PILAH

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

## P.129 KUALA PILAH

**Penyunting Siri**

Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**

Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

APPGM-SDG
DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

**LAPORAN P.129 KUALA PILAH (NEGERI SEMBILAN)**

**Kata Pengantar** - Nur Rahmah Othman......................................................................I

**Pendahuluan** - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin ........................ III

**BAHAGIAN A** ......................................................................................................1

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

**BAHAGIAN B** ......................................................................................................10

Laporan Pemetaan Isu

1.0 Pengenalan ......................................................................................................11

2.0 Pemetaan Isu ....................................................................................................12

3.0 Pengutamaan Isu..............................................................................................30

# KATA PENGANTAR

***Nur Rahmah Othman***

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk *"Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024"*. Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

| JILID | ZON/WILAYAH | JUMLAH KAWASAN PARLIMEN | PENYELIDIK |
|---|---|---|---|
| Jilid 1 | Zon Utara | 9 | 3 |
| Jilid 2 | Zon Timur | 4 | 3 |
| Jilid 3 | Zon Tengah | 7 | 5 |
| Jilid 4 | Zon Selatan | 4 | 3 |
| Jilid 5 | Wilayah Sabah | 3 | 1 |
| Jilid 6 | Wilayah Sarawak | 3 | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **30** | |

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

**PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***
*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***
*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui.

Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parliman tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.




Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

| Bil. | Zon/Wilayah | Negeri | Daerah/Bahagian | Parlimen | Kod | Nama Ahli Parlimen | Parti | Ketua Penyelidik APPGM-SDG |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Utara | Perak | Pengkalan Hulu | Gerik | P054 | YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob | PN-BERSATU | Dr Thanaraj Murudi |
| 2. | Utara | Perak | Kerian | Bagan Serai | P058 | YB Datuk Idris Bin Ahmad | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| 3. | Utara | Kedah | Langkawi | Langkawi | P004 | YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah | PN-BERSATU | Siti Noraiysah Rohim |
| 4. | Utara | Perak | Perak Tengah | Parit | P069 | YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib | PN -PAS | Siti Noraiysah Rohim |
| 5. | Utara | Pulau Pinang | Seberang Perai Utara | Tasek Gelugor | P042 | YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan | PN-BERSATU | Siti Noraiysah Rohim |
| 6. | Utara | Pulau Pinang | Barat Daya dan Timur Laut | Bayan Baru | P052 | YB Tuan Sim Tze Tzin | PH-PKR | Siti Noraiysah Rohim |
| 7. | Utara | Pulau Pinang | Timur Laut | Bukit Bendera | P048 | YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid | PH-DAP | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **8.** | Utara | Perak | Perak Tengah | Pasir Salak | P073 | YB Tuan Jamaludin Bin Yahya | PN-PAS | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| **9.** | Utara | Perlis | Negeri Perlis | Arau | P003 | YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim | PN-PAS | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| **10.** | Timur | Pahang | Maran dan Temerloh | Kuala Krau | P087 | YB Tuan Kamal Bin Ashaari | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| **11.** | Timur | Pahang | Pekan | Pekan | P085 | YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali | BN-UMNO | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| **12.** | Timur | Terengganu | Hulu Terengganu | Hulu Terengganu | P038 | YB Dato' Rosol Bin Wahid | PN-BERSATU | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| **13.** | Timur | Kelantan | Kota Bharu | Ketereh | P026 | YB Dato' Khlir Bin Mohd Nor | PN | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| **14.** | Tengah | Selangor | Klang | Kapar | P109 | YB Dr. Hajah Halimah Ali | PN-PAS | Dr Thanaraj Murudi |
| **15.** | Tengah | Selangor | Klang | Klang | P110 | YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman | PH-DAP | Dr Thanaraj Murudi |
| **16.** | Tengah | Selangor | Kuala Selangor | Tg Karang | P095 | YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi | PN | Siti Noraiysah Rohim |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **17.** | Tengah | Kuala Lumpur | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Batu | P115 | YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran | PH-PKR | Dr Siti Nur Ain Zakinuddin |
| **18.** | Tengah | Selangor | Sabak Bernam | Sungai Besar | P093 | YB Datuk Muslimin Bin Yahaya | PN-BERSATU | Mohamed Daniel Mokhtar |
| **19.** | Tengah | Selangor | Shah Alam | Shah Alam | P108 | YB Tuan Haji Azli Bin Yusof | PH-AMANAH | Nurul Syaza Mazelan |
| **20.** | Tengah | Kuala Lumpur | Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Bandar Tun Razak | P124 | YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail | PH-PKR | Nurul Syaza Mazelan |
| **21.** | Selatan | N. Sembilan | Port Dickson | Port Dickson | P132 | YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun | PH-PKR | Siti Noraiysah Rohim |
| **22.** | Selatan | Negeri Sembilan | Kuala Pilah | Kuala Pilah | P129 | YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan | BN-UMNO | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| **23.** | Selatan | Johor | Tangkak | Ledang | P142 | YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh | PH-PKR | Dr Wan Suzita Wan Ibrahim |
| **24.** | Selatan | Johor | Muar, Tangkak, Segamat | Pagoh | P143 | YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin | PN-BERSATU | Nurul Syaza Mazelan |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **25.** | Sarawak | Sarawak | Bau dan Lundu | Mas Gading | P192 | YB Tuan Mordi Anak Bimol | PH-DAP | Raine Melissa Riman |
| **26.** | Sarawak | Sarawak | Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian) | Mukah | P213 | YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib | GPS-PBB | Raine Melissa Riman |
| **27.** | Sarawak | Sarawak | Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah) | Sibuti | P218 | YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni | GPS-PBB | Raine Melissa Riman |
| **28.** | Sabah | Sabah | Kota Marudu | Kota Marudu | P168 | YB Datuk Wetrom Bin Bahanda | KDM | Nurrul Fazlina Osman |
| **29.** | Sabah | Sabah | Sipitang | Sipitang | P178 | YB Datuk Matbali Bin Musah | GRS | Nurrul Fazlina Osman |
| **30.** | Sabah | Sabah | Kinabatangan dan Tongod | Kinabatangan | P187 | YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin | BN-UMNO | Nurrul Fazlina Osman |

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

### PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<table>
<tr><th colspan="2">Status Individu</th><th>Kaum Minoriti</th></tr>
<tr><td colspan="2">1. Kumpulan B40 / miskin tegar<br>2. Penduduk M40<br>3. Orang kurang upaya (OKU)<br>4. Ibu / Bapa tunggal<br>5. Wanita<br>6. Warga emas<br>7. Belia<br>8. Kanak-kanak<br>9. Warga asing / Pelarian<br>10. Tiada warganegara<br>11. Ketua Isi Rumah</td><td>1. Komuniti Cina<br>2. Komuniti India<br>3. Komuniti Siam<br>4. Orang Asli/Asal<br>5. Komuniti Bugis<br>6. Komuniti Iban<br>7. Komuniti Kedayan</td></tr>
<tr><th colspan="2">Jenis Pekerjaan</th><th>Pendidikan</th></tr>
<tr><td>Pertanian</td><td>1. Petani<br>2. Peladang / Peneroka<br>3. Penoreh<br>4. Penternak</td><td rowspan="3">1. PIBG Sekolah<br>2. Pelajar sekolah<br>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)<br>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</td></tr>
<tr><td>Perikanan</td><td>1. Nelayan laut<br>2. Nelayan darat</td></tr>
<tr><td>Perdagangan</td><td>1. Peniaga<br>2. Penjaja<br>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)<br>4. Pengusaha Homestay</td></tr>
<tr><td>Perindustrian</td><td>1. Pemilik kilang</td><th>Organisasi / Persatuan</th></tr>
<tr><td>Perkhidmatan</td><td>1. Petugas/Penyelia PPDK<br>2. Veteran ATM dan Polis<br>3. Penghulu-Penghulu Mukim<br>4. Pemimpin Tempatan<br>5. Malim gunung</td><td>1. Badan bukan kerajaan (NGO)<br>2. Persatuan Sukarelawan<br>3. Persatuan Penduduk<br>4. Koperasi Komuniti</td></tr>
</table>

**PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

| ZON / WILAYAH | ISU UTAMA |
|---|---|
| Zon Utara | • Gejala sosial<br>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan<br>• Kos sara hidup yang tinggi<br>• Keciciran Pendidikan<br>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas<br>• Masalah banjir<br>• Pencemaran air dan udara |
| Zon Timur | • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan<br>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian<br>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani |

| | |
|---|---|
| | • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan<br>• Penghijrahan ke bandar<br>• Kos sara hidup yang tinggi |
| Zon Tengah | • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan<br>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah<br>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah<br>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia |
| Zon Selatan | • Masalah banjir<br>• Konflik hidupan liar dan manusia<br>• Keciciran pendidikan<br>• Kenaikan kos sara hidup<br>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan<br>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas |
| Wilayah Sabah | • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah<br>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi<br>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)<br>• Keperluan sokongan dan bantuan penjanaan pendapatan<br>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien |
| Wilayah Sarawak | • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir<br>• Penyeludupan barang di sempadan<br>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah<br>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi<br>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)<br>• Konflik pemilikan tanah<br>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa<br>• Konflik manusia – hidupan liar |

# BAHAGIAN A

**LAPORAN**

**LAWATAN PEMETAAN ISU**

P.129 Kuala Pilah (Negeri Sembilan)




20 - 22 Januari 2024 (Sabtu - Isnin)

# TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

## HARI 1

1: Sesi Dialog dan Lawatan ke Pusat Penternakan Ayam
2: Sesi Dialog bersama Belia
3: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina di Flat Sentosa
4: Sesi Lawatan ke Istana Lama Diraja Seri Menanti

## HARI 2

5: Sesi Dialog bersama Usahawanita
6: Sesi Dialog bersama Komuniti India
7: Sesi Dialog bersama Warga FELDA Kepis

## HARI 3

8: Sesi Dialog bersama PDK Kuala Pilah
9: Sesi Dialog bersama Penduduk Orang Asli
10: Sesi Dialog bersama Penduduk Mangsa Banjir

## PASUKAN PENYELIDIK



**Dr Wan Suzita**
(Ketua Penyelidik)



**Lydia Ann**



**Mohamed Daniel**



**Imamul Ariffin**




**27 November 2023**

Mesyuarat awal bersama YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan (Ahli Parlimen Kuala Pilah) untuk penyetempatan SDG pada tahun 2024. YB telah bersetuju untuk mengadakan pra-lawatan pada Januari 2024 dan lawatan tapak pada bulan Februari 2024.




**9 Januari 2024**

Dr Wan Suzita, Dr Teo Sue Ann dan Mohamed Daniel telah menghadiri perbincangan berkenaan isu, keadaan semasa dan lawatan tapak di Parlimen Kuala Pilah. Perjumpaan tersebut telah dihadiri oleh setiausaha Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP), wakil pegawai perancang, wakil SDG MDKP dan wakil Ahli Parlimen.




**23 Januari 2024**

Lawatan khas atas jemputan YB Kuala Pilah ke Pusat Kraftangan Kuala Pilah diiringi Pegawai khas YB Parliamen, Pengarah Kraftangan Kuala Pilah dan Persatuan Belia Daerah.






**23 Januari 2024**

Pemakluman dan perbincangan bersama wakil pejabat daerah dan tanah kuala pilah iaitu Puan Azura Amin. (KADO Bahagian Pembangunan) Dalam perbincangan ini Puan Azura telah menjelaskan beberapa perkara mengenai pembangunan fizikal dan masyarakat Kuala Pilah. Antaranya libat urus bersama penduduk tentang izin lalu dan pengoperasian mangsa banjir.






### 1: Sesi Dialog dan Lawatan ke Pusat Penternakan Ayam di Terachi

FGD 1: Sesi FGD 1 melibatkan komuniti penternak dan wakil pegawai veterinar. Antara isu utama yang dipertengahkan ialah **(1)** pembangunan menghimpit industri (pertanian dab penternakan **(2)** tiada bekalan elektrik dan air **(3)** kekangan untuk mendapat kebenaran izin lalu jalan **(4)** kurang kepekaan antara penternak dalam bio-sekuriti dan **(5)** kos upah pekerja yang tinggi.




### 2: Sesi Dialog bersama Belia

FGD 2: Sesi FGD 2 melibatkan komuniti belia yang menetap di kawasan Kuala Pilah. Antara isu utama yang diketengahkan ialah kekurangan peluang pekerjaan, kerenah birokrasi dari segi modal atau peruntukkan untuk belia, dan kurang penglibatan belia dalam program-program untuk belia, lambakan perjudiaan dalam talian, kekeliruan penggunaan tapak untuk bazaar sambutan deepavali dan tiada tapak khas untuk aktiviti belia.






## 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina di Flat Sentosa

FGD 3: Antara isu utama yang dipertengahkan ialah terdapat kekeliruan antara peranan majlis daerah dan pejabat setiausaha kerajaan negeri, masalah sampah sarap yang menyebabkan longkang tersumbat, kekurangan dalam penyelengaraan bangunan (sistem paip), tiada pemantauan flat daripada pihak SUK, kekurangan peluang pekerjaan, binatang liar, sistem pencahayaan jalan yang kurang memuaskan, kurang pemahaman dalam pengisian PADU.





## 4: Lawatan khas ke Istana Lama Diraja Seri Menanti Kuala Pilah

Lawatan Tapak 1: Kawasan Istana Lama Diraja Seri Menanti Kuala Pilah digunakan untuk hari keputeraan, pemakaman diraja, majlis perkahwinan dan program-program oleh agensi kerajaan. Sewaktu pasukan penyelidik ke sana, muzium ditutup kerana terdapat penambahbaikkan dan akan dibuka semula pada bulan 9. Antara isu-isu yang dikenalpasti ialah

- Kurang mendapat kunjungan pelancong
- Kurang promosi di platform sosial media
- Aktiviti sosial di bandar lama dirja menanti agak terhad










## 5: Sesi Dialog bersama Usahawanita

FGD 4: Sesi dialog bersama kumpulan usahawanita yang diwakili oleh 4 AJK, 1 setiausaha, 1 pengerusi dan pegawai khas YB kuala Pilah. Antara isu utama yang diketengahkan ialah sikap sesetengah individu yang kurang kesungguhan untuk mendaftar dengan SSM dan menyertai program keusahawan, kekurangan ilmu pengetahuan dalam literasi digital (pemasaran). Selain itu, mereka turut meluahkan bahawa tidak banyak penglibatan oleh agensi kerajaan bersama NGO wanita dan kesukaran untuk mendapat bantuan daripada agensi kerajaan











## 6: Sesi Dialog bersama Warga FELDA Kepis

Sesi dialog dan lawatan bersama warga FELDA Kepis yang terdiri daripada pengusaha ikan air tawar, pengusaha madu kelulut dan penternak arnab. Isu-isu yang telah dibangkitkan adalah berkenaan kekurangan modal untuk meneruskan perniagaan, kurangnya pemantauan daripada pihak FELDA serta persaingan harga jualan rahmah antara peniaga besar dan pengusaha kecil.



## 7: Sesi Dialog bersama Komuniti India

FGD 6: Sesi FGD bersama komuniti India iaitu wakil daripada Kampung Dioh, rumah Pangsa Gentam dan Jalan Melang. Isu-isu yang diketengahkan ialah berkenaan kekurangan kelengkapan sekolah, tiada pekerjaan tetap, kos dan jarak pengangkutan ke hospital yang jauh, pengaruh sosial media dalam kalangan pelajar menyebabkan pelajar belajar bahasa kesat dan berani melakukan aksi-aksi berunsurkan keganasan serta isu keganasan rumah tangga.



## 8: Sesi Dialog bersama PDK Kuala Pilah

FGD 7: Sesi dialog dan lawatan bersama PDK Kuala Pilah Yang dihadiri oleh pengerusi, penyelia dan petugas PDK Kuala Pilah. Turut dihadiri juga oleh jururawat pelatih dari Kolej Kuala Pilah, JKM, ketua kampung dan pegawai khas YB. Isu-isu yang diketengahkan ialah berkenaan peralatan sekolah dan pusat pemulihan yang tak mencukupi, kekurangan dana untuk membuat program, isu penjawatan meliputi masalah gaji dan status guru pelatih) serta penukaran konsep asal (pemulihan) kepada konsep baru (penjagaan) dalam kalangan PDK tidak jelas.









## 9: Sesi Dialog bersama Penduduk Orang Asli

FGD 8: Sesi dialog bersama penduduk orang asli di Kampung Guntur dan Kampung Gergun yang turut dihadiri oleh YB Dato' Adnan bin Abu Hassan. Antara isu utama yang dipertengahkan oleh hadirin adalah kekangan ketersediaan persekolahan anak anak orang asli dari sudut pengangkutan ke sekolah dan baju uniform, isu status tanah adat/ rizab yang menimbul kesulitan untuk mereka mendapatkan sumber makanan dan pendapatan, peluang pekerjaan untuk komuniti orang asli amat nipis serta infrastruktur dan kemudahan asas yang kurang elok.





## 10: Sesi Dialog bersama Penduduk Mangsa Banjir

FGD 9: Sesi dialog bersama penduduk mangsa banjir di Padang Lebar yang turut diwakili Kg. Jelutong,  Teretak, Jerejak, Tapak & Keru). Isu-isu yang dibangkitkan adalah mengenai kedalaman longkang yang tidak sesuai untuk menghalang banjir, keadaan inflasi kini yang menyebabkan kos sara hidup tinggi, tiada pendedahan untuk memohon bantuan melalui e-kasih, kerenah birokrasi terutama JKR, tiada peluang pekerjaan terutama bagi golongan muda dan gangguan haiwan liar terutamanya beruk.

Antara cadangan yang dikemukakan ialah  membuat pengangkutan awam untuk mengurangkan kos pengangkutan penduduk terutama para pelajar.

# BAHAGIAN B

**LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.129 Kuala Pilah (Negeri Sembilan)

## 1.0 PENGENALAN

*Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Kuala Pilah ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan dari parti Barisan Nasional (BN).*



YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan

| | |
|---|---|
| **Parlimen** | P 129 |
| **Kawasan** | Kuala Pilah |
| **Negeri** | Negeri Sembilan |
| **Jumlah penduduk** | 71,004 orang |

| BIL. | KAUM | BIL. | % |
|---|---|---|---|
| 1. | Bumiputera | 56,028 | 78.90 |
| 2. | Cina | 9,255 | 13 |
| 3. | India | 3,715 | 5.2 |
| 4. | Lain_lain | 212 | 0.3 |
| 5 | Bukan Warganegara | 1,794 | 2.52 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **71,004** | **100.00** |

*Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Kuala Pilah, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.*

**Kegiatan ekonomi utama**

- Pertanian- kelapa sawit, getah, ternakan, sayur-sayuran, padi, buah-buahan dan kayu-kayan
- Perniagaan -kecil sederhana, premis, gerai
- Perindustrian- Berat, sederhana dan ringan
- Pelancongan- Taman Rekreasi Ulu Bendul, Jeram Tengkek, Perkampungan Homestay Laman Bangkinan, Istana Lama Seri Menanti

**Pasukan kajian**

1. Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim: Ketua Penyelidik
2. Lydia Ann Anak Bill: Pegawai Polisi & Penyelidik
3. Mohamed Daniel Mokhtar: Pegawai Penyelidik
4. Imamul Ariffin: Pegawai Pelatih

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 FGD dan 1 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Kuala Pilah dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Tanah Dan Daerah, Kuala Pilah

| **TARIKH** | **PERKARA** |
|---|---|
| **20 Januari 2024 (**Sabtu**)** | • Dialog Bersama **Komuniti Penternak Ayam Kampung**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Belia**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Cina di Flat Sentosa**<br>• Lawatan Khas ke **Istana Lama Diaraja Seri Menanti Kuala Pilah** |
| **21 Januari 2024** (Ahad) | • Dialog Bersama **Komuniti Usahawanita**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Warga FELDA Kempis**<br>• Dialog Bersama **Komuniti India** |
| **22 Januari 2024 (**Isnin) | • Dialog Bersama **Komuniti PDK Kuala Pilah**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Orang Asli Guntur**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Orang Asli Cergun**<br>• Dialog Bersama **Komuniti Mangsa Banjir Padang Lebar** |
| **16 Febuari 2024** (Jumaat) | • Dialog Bersama **Agensi Kerajaan** |

**PENEMUAN KAJIAN**

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| **ISU SOSIAL** | | | |
| Kekurangan kemahiran keusahawanan dalam kalangan belia | • Belia | • Ramai dalam kalangan belia yang tidak terlibat dalam kemahiran dan kurang dalam kepelbagaian kursus terutama dalam keusahwanan dan kesenian budaya.<br>• Namun program aktiviti belia yang terhad menyebabkan ramai anak muda tidak menceburi bidang pembuatan seperti batik dan keushawanan kerana kurang dari pendedahan dan tiada kursus yang sesuai dengan jiwa anak muda masa kini | **Jabatan Belia, Kuala Pilah:**<br><br>Tidak ada maklum balas secara terperinci dari Jabatan Belia, Kuala pilah berhubung permasalahan belia, Namun telah diberi pandangan secara umum dimana berhubung dengan kemahiran dan aktiviti belia banyak disediakan menerusi program pendidikan kerana kekurangan peruntukan dan penglibatan belia juga turut terbatas |
| Kekurangan belia | • Belia | • Golongan belia semakin berkurang di Kuala Pilah akibat belajar dan penghijrahan keluar kerana peluang pekerjaan yang tidak banyak di kawasan ini.<br>• Ini menyebabkan golongan belia lebih cenderung untuk keluar dari Kuala | **Jabatan Belia, Kuala Pilah:**<br><br>Maklum balas pihak Jabatan Belia, Kuala Pilah dengan memaklumkan bahawa, belia di Kuala Pilah tidak mendapat persaingan dari warga asing dalam mengisi peluang pekerjaan. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | Pilah bagi mencari peluang kerjaya yang lebih menarik. | |
| Kekangan pembangunan infrastruktur | • Penternak ayam kampung Terachi | • Isu ini melibatkan kesukaran untuk mendapatkan jalan masuk, eletrik dan bekalan air kerana kawasan penternak dikelilingi oleh sempadan tuan tanah orang | **Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah:**<br><br>Tidak ada maklum balas secara terperinci dari Jabatan Veterinar berhubung dengan isu tersebut. Namun, telah diambil maklum oleh wakil Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah berhubung dengan perkara tersebut, iaitu sebarang urusan yang melibatkan permasalahan rakyat akan diwakili oleh penghulu kawasan sebelum dimaklum kepada Pegawai Daerah Kuala Pilah |
| | | • Justeru itu, agak sukar untuk mendapat kebenaran kelulusan dari pihak JKR dan TNB kerana memerlukan kelulusan minta izin lalu dan persetujuan dari tuan tanah asal | |
| | Orang Asli Guntur dan Cergun | • Beberapa penduduk di KOA Cergun dan Guntur, mengenai jalan utama yang berlubang dan perlu diturap semula.<br>• Beberapa jambatan yang menghubung jalan raya ke dua-dua kampung juga perlu diselenggara dan kini berada dalam keadaan yang tidak selamat.<br>• Selain itu, jalan raya masuk ke | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.* |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | perkampungan Orang Asli juga gelap dan ketiadaan lampu jalan amat diperlukan untuk keselamatan penduduk. | |
| Rumah sewa yang tiada penghuni | • Flat Sentosa, Kuala Pilah | • Penduduk flat juga memberitahu bahawa isu penyewaan rumah flat yang sepatutnya khusus untuk golongan yang mengalami masalah kewangan kini dibiarkan tidak berpenghuni atau dijadikan stor oleh penyewa yang sudah berpindah ke rumah lain.<br>• Ini mengakibatkan golongan yang susah, warga emas dan tiada pendapatan tetap sukar untuk memperoleh rumah kos rendah di flat tersebut. Sewaan bulanan bagi sebuah rumah flat di Wisma Sentosa adalah hanya RM 27. | **Makluman:**<br><br>Tiada Maklum balas dengan terperinci kerana wakil Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) tidak menghadirkan diri pada sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah |
| Kelemahan sistem penyelenggaraan bangunan | | • Seorang penduduk flat komuniti Cina memberitahu bahawa keadaan flat yang merudum membahayakan penduduk. Flat yang dibina pada tahun 1967 tidak dapat diselenggara | |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | dengan baik. Paip kumbahan yang bocor dan rekahan di dinding dan lantai adalah antara kerosakan yang dialami flat tersebut<br>● Hal ini, membahayakan penduduk flat tersebut namun, kerja-kerja penyelenggaraan masih belum dijalankan atas sebab struktur flat yang kompleks dan rumit untuk dilakukan penyelenggaraan.<br>● Dalam hal ini, bersikap lepas tangan dan tidak pernah melakukan perbincangan bersama penduduk | |
| Kekurangan pencahayaan lampu jalan dan kemudahan internet | | • lampu jalan di setiap kawasan sama walaupun berbeza dari segi saiz namun pencahayaan agak kurang kerana dilindugi oleh pokok terutama di sepanjang Melang hingga ke hospital Kuala Pilah<br>• Jarak dari satu lampu ke lampu yang lain terlalu jauh<br>• Selain itu, kemudahan capaian internet sangat teruk terutama maxis dan DIGI | **Majlis Kuala Pilah:**<br><br>Maklum balas pihak Majlis Kuala Pilah dengan menyatakan, pihak Majlis telah mengadakan program yang melibatkan SDG 11 termasuk mengutamakan pencahayaan di persiaran jalan kaki dan jalan untuk mewujudakan bandar selamat |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Kekurangan kemahiran dalam pemasaran secara digital | • Usahawanita dan Ibu Tunggal – Kuala Pilah<br>• Kaun India/ warga emas,<br>• Komuniti Cina di Flat Sentosa | • Kebanyakan ahli usahawanita kurang peka dan mahir dalam pemasaran digital.<br>• Ini kerana golongan ahli usahawanita terdiri daripada golongan wanita yang berumur dan mereka tidak begitu berpegalaman dalam menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian.<br>• Ini menyebabkan ramai di antara usahawan berskala kecil tidak mampu untuk mengembang perniagaan mereka, pasaran terhad dan tidak dapat mempromosikan produk-produk IKS mereka<br>• Manakala, golongan india dan wagra emas di flat Sentosa pengisian borang kerajaan adalah melalui online atau e-filling namun penduduk sukar dalam sosial digital dan menjadi kekangan bagi mereka.<br>• Selain itu, rangkaian internet yang tidak bermasalah di kawasan perkampungan Kuala Pilah. | **Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah:**<br><br>Maklum balas secara umum dari pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Pilah yang menyatakan di peringkat pengurusan terdapat insiatif dari SDG untuk pasarkan produk komuniti, program digital bagi meningkatkan sumber pendapatan bagi ushawanan dan komuniti di kawasan Kuala Pilah |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Sikap dan mentaliti ibu tunggal | | • Sikap kurang kesedaran dalam kalangan wanita atau ibu tunggal tentang kepentingan program kemahiran, pergaulan terbatas, malu dan lebih bersikap individu<br>• Selain itu, kebanyakan golongan wanita tidak mahu mendaftar syarikat SSM kerana alasan sukar mendapat kerjasama dari agensi yang terlibat walaupun di bantu oleh persatuan ibu tunggal | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.* |
| Kurang kesedaran dalam kalangan ahli keluarga | • Komuniti India | • Pernah memohon bantuan, dana dan berurusan dengan pihak parlimen untuk membantu keperluan komuniti India<br>• Hanya isteri yang bekerja untuk membantu keluarga. Manakala, si suami minum untuk menghilangkan tekanan dan anak-anak tinggal sendirian | **Unit Perancang Ekonomi:**<br><br>Tidak ada makluman terperinci atau ulasan dari mana-mana agensi berhubung dengan isu tersebut, namun mendapat pandangan secara umum dari pegawai Unit Perancang Ekonomi, Daerah Kuala Pilah yang menyatakan unit Perancang Ekonomi telah menjalankan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Dasar Dalam Bandar Mampan tahun 2030 di satu daerah dan semua kaum bagi memastikan keperluan |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | | sosial mereka terjamin termasuk pendidikan dan bantuan kewangan. |
| Penyalahgunaan dadah di kalangan belia | • Wakil FELDA Kempis<br>• Belia Kuala Pilah | • Penyalahgunaan dadah menyebabkan masalah mental di kawasan FELDA Kempis<br>• AADK pernah melakukan '*ambush*' di kawasan sarang penagih<br>• Walau bagaimana pun, isu dadah, kecurian masih berada dalam kawalan pihak polis | **AADK Kuala Pilah:**<br><br>Maklum balas pihak AADK menyatakan agensi mereka telah mencuba sedaya upaya untuk memberi maklumat terperinci mengenai bahayanya dadah kepada masyarakat namun begitu masih terdapat individu yang terlibat dalam isu sosial tersebut. |
| Kurang kelengkapan persekolahan pelajar | • Komuniti India | • Kurang kelengkapan sekolah berpunca dari tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan terdiri dari golongan B40 menyebabkan ada dalam kalangan pelajar sekolah tidak mempunyai kelengkapan persekolahan seperti uniform sekolah, wang saku, alat tulis, buku dan beg sekolah | **Makluman:**<br><br>Tidak ada makluman terperinci atau ulasan dari mana-mana agensi berhubung dengan isu tersebut, namun mendapat pandangan secara umum dari Majlis Daerah Kuala Pilah berhubung dengan permasalahan komuniti termasuk pelajar. |
| Masalah keciciran pelajar sekolah | • Orang Asli Cergun dan Guntur | • Masalah Orang Asli Guntur dan Cergun iaitu yuran persekolahan termasuk yuran PIBG sangat mahal dalam kadar 180 RM dan mereka tidak mampu | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.* |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | bayar.<br>• Bantuan seperti pakaian seragam juga terhad kepada murid tahun 1 Sekolah Rendah dan murid Tingkatan 1 Sekolah Menengah sahaja<br>• Ini menyebabkan ramai di kalangan anak-anak orang asli untuk tidak ke sekolah sekaligus membantut pembelajaran mereka. | |
| Keganasan rumah tangga | • Komuniti India | • Ramai suami merupakan kaki botol kesan dari tekanan kewangan dan tiada kerja tetap. Oleh itu, suami melepaskan *tension* terhadap para isteri<br>• Selain itu, amalan minum air keras menyebabkan ramai para suami memukul isteri mereka<br>• Pernah dibuat laporan polis namun ditarik kembali kerana isu menghormati nama baik keluarga mentua | **Makluman:**<br><br>Tidak ada ulasan mana-mana agensi berhubung dengan isu tersebut semasa sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah. |
| Kekurangan petugas di PDK | • PPDK Sri Menanti, Kuala Pilah | • PPDK Seri Menanti mempunyai pelatih seramai 23 orang pelatih<br>• Seorang petugas menjaga lima orang | **Jabatan Kebajikan Masyarakat:** |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | pelatih<br>• Kekurangan petugas juga menyebabkan tiada produk yang boleh dibuat memandangkan petugas memenuhi masa dengan pemulihan pelatih sahaja<br>• Pelatih yang ditempatkan di sini adalah mengalami masalah pembelajaran, fizikal dan ketidakupayaan | Maklum balas pihak JKM menjelaskan bilangan petugas adalah bergantung kepada jumlah pelatih di setiap PDK dan ini adalah prosedur dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak JKM. |
| Konsep baru PPDK yang tidak jelas | • PPDK Sri Menanti, Kuala Pilah | • Penukaran konsep asal PDK sebagai pusat pemulihan kepada konsep baru (Jagaan) yang tidak jelas dalam kalangan petugas PDK<br>• Kebanyakan dalam PDK tidak bersetuju atas penukaran konsep baru tersebut | **Jabatan Kebajikan Masyarakat:**<br><br>Maklum balas pihak JKM memaklumkan perubahan konsep asal pemulihan kepada pusat jagaan adalah melibatkan unit penguatkuasaan dan masih dibawah pemantauan pihak JKM. |
| Isu status pekerja PPDK di Seri Menanti | • Pekerja PPDK Sri Menanti Kuala Pilah | • Status mereka yang bertugas di PPDK seluruh negara adalah seperti sukarelawan.<br>• Bayaran elaun atau gaji petugas PPDK adalah melalui geran dari pihak JKM.<br>• Ini menyebabkan tidak ramai orang yang bekerja lama di PPDK kerana tidak mendapat gaji yang menarik dan | **Jabatan Kebajikan Masyarakat:**<br><br>Maklum balas pihak JKM menyatakan, elaun petugas diberikan melalui geran yang telah diperuntukan kepada PDK dan geran bergantung kepada permohonan PDK dan jumlah pelatih yang ada dan berdaftar. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | mampu menyara kos sara hidup yang semakin meningkat | |
| Dana pengurusan yang tidak mencukupi | • PPDK Sri Menanti Kuala Pilah | • Dana yang tidak cukup untuk menyediakan keperluan dan kelengkapan di PPDK Kuala Pilah<br>• Masih terdapat kekurangan keperluan kepada golongan pelajar OKU seperti bilik fisiotrapi, kemudahan laluan dan peralatan pelajar OKU di PDDK Sri Menanti, Kuala Pilah<br>• Dana turut diperuntukan untuk pembayaran audit yang perlu ditanggung oleh pihak PPDK | **Jabatan Kebajikan Masyarakat:**<br><br>Maklum balas pihak JKM menyatakan, walau pun PPDK telah didaftarkan sebagai persatuan, namun pihak JKM tetap memberi geran dalam keperluan utiliti, petugas, pelajar dan program. Justeru itu, pihak PDK perlu memohon kepada mereka. |
| Elaun pelatih sedikit dan bantuan dari JKM masih kurang | • Pekerja PPDK Sri Menanti Kuala Pilah | • Elaun pelatih OKU adalah RM150 sejak tujuh tahun yang lalu, kurang membantu untuk keperluan OKU<br>• Makanan dan keperluan kebiasaan di PPDK ada juga disumbangkan oleh invidu | **Jabatan Kebajikan Masyarakat:**<br><br>Maklum balas pihak JKM menjelaskan peruntukan kepada OKU adalah sama yang diturunkan kepada kerajaan pusat kepada negeri, namun sebarang inisitif dan cara pengurusan pihak kerajaan negeri yang membezakan setiap negeri. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| **ISU EKONOMI** | | | |
| Pembangunan menghimpit aktiviti pernternakan | • Penternakan Ayam – Terachi | • Isu ini melibatkan kawasan yang sebelum ini berstatus pertanian atau perladanagan di kawasan berhampiran bertukar menjadi kawasan perumahan akan menyebabkan kerugian besar bagi penternak-penternak ayam yang kecil<br>• Ini kerana para penternak harus mengalah apabila kawasan berhampiran ladang ternakan mereka ditukar status ke kawasan perumahan dan mereka perlu berhenti beroperasi atau pindah ke tanah lain yang jauh dari zon perumahan.<br>• Hal ini menyebabkan pemilik ladang ternakan ayam menghadapi risiko kerugian yang tinggi | **Jabatan Veterinar :**<br><br>Tiada jawapan yang spesifik dari wakil Jabatan Veterinar , Kuala Pilah berhubung dengan isu tersebut. Namun dimaklum secara umum iaitu berlaku penutupan penglibatan penternakan ayam kerana untuk mengawal pencemaran, kawal lalat dan bau terutama yang berdekatan dengan kawasan perumahan |
| Persaingan ayam kampung dan komersial | | • Penternak ayam kampung tidak mampu bersaing dengan penternak ayam komersial kerana kaedah process, jualan menternak ayam komersial lebih cepat. Malah tidak berkemampuan untuk memenuhi | **Jabatan Veterinar:**<br><br>Tiada jawpan yang spesifik dari wakil Jabatan Veterinar Kuala Pilah berhubung dengan isu tersebut. |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | tempahan pengeluaran ayam yang tinggi<br>• Mereka juga tidak dapat melaksanakan skim "contract farming" seperti yang digunapakai industri ayam komersial lain kerana tidak ramai orang yang mampu untuk menceburi bidang ternakan ayam komersial yang kemahiran dan modal yang tingg | |
| Harga kos input penternakan yang tinggi | • Penternakan Ayam Kampung | • Bahan mentah seperti dedak yang diperbuat daripada jagung dihasilkan dari luar negeri. Harga dedak tinggi yang dijual oleh penjual memberi kesan kepada kos operasi menernak ayam kampun | **Jabatan Veterinar:**<br><br>Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Veterinar Kuala Pilah menyatakan, kenaikan harga ternakan terutama dedak adalah berpunca dari kejatuhan matawang negara dan PKP menyebabkan banyak makanan ternakan terpaksa diimport dari Thailand dan Vietnam. Keadaan ini telah memberi kesan kepada kos penternakan dalam negara |
| Jualan ikan yang terhad | | • Kesukaran untuk mendapat pasaran dari pihak luar dan tempatan<br>• Harga ikan ternakan dijual dengan | **Makluman:** |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | begitu murah dan<br>• Ini menyebabkan, jualan ikan kurang menguntungkan kepada penternak ikan di FELDA Kempis terutama semasa COVID-19. | Tiada Maklum balas dengan terperinci kerana wakil FELDA (Pengurusan) tidak menghadirkan diri pada sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah |
| | • Penternakan ikan, FELDA Kempis | • Kos benih ikan yang tinggi kerana terpaksa beli diluar kawasan iaitu di Jelebu<br>• Makanan dedak ikan juga cukup tinggi hingga mencecah RM 58 untuk 10 kilo kilogram<br>• Kadang-kadang terpaksa pinjam dengan ahli keluarga<br>• Kos akan meningkat jika harga input tinggi | **Makluman:**<br><br>Tiada Maklum balas dengan terperinci kerana wakil FELDA (Pengurusan) tidak menghadirkan diri pada sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah |
| Kekurangan sokongan dari pihak FELDA | | • Berlaku perbezaan pendapat antara pegaewai FELDA dan Pengusaha<br>• Kurang pemantauan dari pihak FELDA terutama dalam pemasaran melainkan pihak PELADANG<br>• Terpaksa meminta bantuan rakan-rakan luar dari FELDA Kempis kerana kuasa membeli agak berkurangan | **Makluman:**<br><br>Tiada Maklum balas dengan terperinci kerana wakil FELDA (pengurusan) tidak menghadirkan diri pada sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | | |
| Kesukaran mendapat permit untuk mengutip hasil hutan | • Orang Asli Cergun & Guntur | • Punca pendapatan dari kutipan hasil hutan seperti rotan dan herba tidak dapat dilakukan lagi kerana permasalahan permit.<br>• Berbeza pada tahun sebelumnya seperti rotan untuk dijual ke pasaran dan menjadi punca pendapatan utama kebanyakan orang asli di KOA Cergun dan Guntur<br>• Namun kini, permit yang diperlukan menyebabkan hasil hutan untuk tidak dapat dijual mahupun dicari oleh orang asli. Ini menyebabkan kekurangan punca pendapatan bagi orang asli di KOA Cergun | *Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan.*<br><br>*Nota: Kebenaran Permit adalah dibawah penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri* |
| **ISU ALAM SEKITAR** | | | |
| Penempatan tong sampah yang tidak sesuai | • Komuniti Cina di Flat Sentosa | • Komuniti Cina tempatan memaklumkan bahawa penempatan tong sampah untuk sisa-sisa dari Pasar Kuala Pilah tidak strategik dan mengakibatkan persekitaran yang busuk dan kurang menyenangkan. | **Makluman:**<br><br>Tiada Maklum balas dengan terperinci kerana wakil Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) tidak menghadirkan diri pada |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | | • Lokasi tong sampah yang kini adalah di laluan utama orang awam untuk masuk dan keluar ke pasar tersebut | sesi agensi kerajaan pada 16 Mac 2024 di Pejabat Tanah dan Dearah Kuala Pilah |
| Banjir | • FELDA Kempis | • Banjir kilat kerap berlaku di kawasan taman memberi kesan terhadap saliran di FELDA Kempis<br>• Kekerapan cuci longkang dan parit dari JKR perlu dipertingkatkan<br>• Sistem perparitan tiada kerana pemilik tanah persendirian tidak membenarkan parit dibina ditanah mereka<br>• Masalah banjir bukan sahaja berlaku kerana masalah sistem perparitan tetapi kerana sampah-sarap dan telah lama penyelenggaraan tidak dijalankan | **Jabatan JKR:**<br><br>Maklum balas pihak JKR, kesukaran untuk membuat pelebaran sistem perparitan kerana kawasan yang rendah dan berdekatan jalan utama. Manakala di pihak JPS, wakil memaklumkan mereka berkongsi maklumat banjir kepada masyarakat penduduk |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| | • Komuniti Banjir Panjang Lebar, Geylang, Jelutong, Satelit, Keru dan Teretak, Dun Juasseh | • Keadaan ini berlaku kerana berlakunya perubahan iklim, laluan alur yang lembah dan juga penerokaan di hutan berhampiran Kampung Jelutong ke arah Kampung Geylang<br>• Hujan yang berlaku 2 hingga 3 jam menyebabkan paras air sungai naik dan sistem perparitan yang sedia ada turut melimpah<br>• Tiada tebatan banjir atau RTB dilaksanakan<br>• Agensi pernah dimaklumkan sebelum ini, namun banjir tetap berlaku. | **Jabatan JPS:**<br><br>Maklum balas pihak JPS memaklumkan permohonan bajet telah dilaksanakan dari pihak persekutuan untuk menjalankan satu alternatif mengurangkan masalah banjir. Namun begitu, ianya dilihat dari perancangan 10 tahun yang lalu untuk meluluskan peruntukan di peringkat Persekutuan |
| Tiada bantuan banjir bagi penduduk yang terkesan | • Komuniti Banjir-Padang Lebar | • Terdapat penduduk yang yang terkesan tidak mendapat apa-apa bantuan dari segi wang.<br>• Cuma bakul makanan yang diberi Pejabat YB Parlimen<br>• Ada dalam kalangan penduduk yang mengalami kerosakan harta benda namun tidak diambil kira sebagai layak untuk mendapat bantuan wang | **Majlis Kuala Pilah:**<br><br>Maklum balas dari pihak Majlis Daerah Kuala Pilah menyatakan sebarang bantuan penduduk adalah dibawah pengurusan penghulu dan akan memberi maklum balas kepada Pihak Majlis hasil daripada penduduk yang terlibat |

| ISU UTAMA | KUMPULAN SASARAN | PENERANGAN ISU | ULASAN AGENSI KERAJAAN |
|---|---|---|---|
| Kekurangan perkongsian maklumat mengenai banjir | • Komuniti Banjir Panjang Lebar, Geylang, Jelutong, Satelit, Keru dan Teretak, Dun Juasseh | • Kurang diberi pendedahan dan cara mengatasi masalah banjir<br>• Ada juga maklumat yang tidak sampai kepada penduduk | **Jabatan JPS:**<br><br>Maklum balas dari pihak JPS menyatakan di peringkat kerajaan negeri, mereka ada menyediakan taklimat oleh pihak JPS untuk berkongsi pengetahuan bersama penduduk kampung tentang banjir, pencegahan dan perubahan iklim kepada komuniti setempat |
| Haiwan terbiar yang semakin meningkat | • Flat Sentosa | • Komuniti flat menyatakan terdapat masalah burung, kucing anjing yang banyak berkeliaran menyebabkan keadaan persekitaran menjadi kotor.<br>• Najis kucing sentiasa menimbulkan bau tidak yang menyenangkan | **Makluman:**<br><br>*Isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog bersama agensi kerajaan* |

## 3.0 PENGUTAMAAN ISU

### PENGUTANMAAN ISU 1- CABARAN PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG, TERACHI

| | |
|---|---|
| **Permasalahan berkaitan dengan Isu** | 1. Kekurangan dengan kemudahan infrastruktur<br>2. Pembangunan menghimpit penternakan dan pertanian<br>3. Persaingan pemasaran ayam kampung & daging |
| **Cadangan** | 1. Membuka ruang dan pasaran penternakan ayam kampung dengan lebih luas<br>2. Memerlukan perancangan yang terancang dan teliti dalam pembagunan yang melibatkan zon kawasan<br>3. Perkhidmatan yang cekap dalam infrastruktur |
| **Kumpulan Terjejas** | • Penternak ayam kampung Terachi<br>• Penduduk tempatan |
| **Kawasan** | • Kampung Terachi, Kuala Pilah |
| **SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA** | |
| **SDG yang berkaitan** | **Sasaran SDG Berkaitan** |
| Matlamat 8: Pekerjaan yang baik dan pertumbuhan ekonomi | **Sasaran 8.**1: Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun<br><br>**Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan<br><br>**Sasaran 8.6**: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan |

| | |
|---|---|
| Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur | **Sasaran 9.1**: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses saksama dan mampu milik untuk semua<br>**Sasaran 9.4**: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan menaik taraf industri untuk menjadikannya mampan, dengan kecekapan penggunaan sumber yang lebih baik dan penggunaan proses industri dan teknologi bersih dan mesra alam yang lebih banyak, dengan semua negara mengambil tindakan selaras dengan keupayaan masing-masing |
| Matlamat 17 : Perkongsian untuk maklumat | **Sasaran 17.3**: Menggerakkan sumber kewangan tambahan bagi negara membangun daripada pelbagai sumber<br>**Sasaran 17.16**: Meningkatkan Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan yang dilengkapi oleh perkongsian pelbagai pihak berkepentingan yang menggerakkan dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, teknologi dan sumber kewangan, untuk menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan di semua negara, khususnya negara membangun |

**PENGUTAMAAN ISU 2: CABARAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

| | |
|---|---|
| **Permasalahan berkaitan dengan Isu** | 1. Kekurangan penglibatan belia dalam Kemahiran dan pendidikan<br>2. Gejala sosial tanpa kawalan dalam kalangan generasi muda<br>3. Dana yang tidak mencukupi bagi pihak PPDK<br>4. Perkongsian peralatan fisiologi yang berkurangan untuk pelatih PDK<br>5. Isu penukaran konsep asal PDK |

| | |
|---|---|
| **Cadangan** | 1. Mengadakan program kesedaran kepada penduduk mengenai persediaan menghadapi musibah banjir<br>2. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pengangkutan yang melibatkan pelupusan kenderaan terbiar. |
| **Kumpulan Terjejas** | • Belia dan PPDK Kuala Pilah |
| **Kawasan** | • Kawasan Parlimen Kuala PIlah -Belia<br>• PPDK Sri Menanti, Kuala Pilah) |
| **SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA** | |
| **SDG yang berkaitan** | **Sasaran SDG Berkaitan** |
| Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik. | **Sasaran 3.5**: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan |
| Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti. | **Sasaran 4.7**: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan<br><br>**Sasaran 4.4**: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan |
| Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan. | **Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, |

| | |
|---|---|
| | ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain |
| Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh. | **Sasaran 16.a** Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah |
| Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat. | **Sasaran 17.9**: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama<br><br>**Sasaran 17.15**: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan |

**PENGUTAMAAN ISU 3:**
**KEPERLUAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN INFRASTRUKTUR ORANG ASLI**

| | |
|---|---|
| **Permasalahan berkaitan dengan Isu** | 1. Status tanah Orang Asli<br>2. Isu peluang pekerjaan dan pendapatan terjejas<br>3. Kekurangan kemudahan asas dan infrastruktur<br>4. Isu keciciran dan bantuan Pendidikan |
| **Cadangan** | Penambahbaikan dalam kemudahan asas termasuk air dan eletrik |
| **Kumpulan Terjejas** | • Orang Asli |
| **Kawasan** | • Pekampungan Orang Asli Guntur dan Cergun<br>• Kawasan Parlimen Kuala Pilah |
| **SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA** | |

| SDG yang berkaitan | Sasaran SDG Berkaitan |
|---|---|
| Matlamat 1: Tiada Kemiskinan | **Sasaran 1.2**: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada setiap peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional<br><br>**Sasaran 1.3**: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara untuk semua orang, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030 |
| Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik. | **Sasaran 3.5**: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan |
| Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti. | **Sasaran 4.7**: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan<br><br>**Sasaran 4.4**: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan |
| Matlamat 8: Pekerjaan Yang Baik & Pertumbuhan Ekonomi | **Sasaran 8.1**: Mengekalkan pertumbuhan ekonomi per kapita selaras dengan keadaan negara, dan secara khusus, sekurang-kurangnya 7 peratus |

| | |
|---|---|
| | pertumbuhan dalam negeri kasar setahun di negara kurang membangun<br><br>**Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan<br><br>**Sasaran 8.6**: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan |
| Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan. | **Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain |
| Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh. | **Sasaran 16.a** Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah |
| Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat. | **Sasaran 17.9**: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama<br><br>**Sasaran 17.15**: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan |

**PENGUTAMAAN ISU 4: ANCAMAN BANJIR**

| | |
|---|---|
| **Permasalahan berkaitan dengan Isu** | 1. Isu perubahan iklim dan banjir<br>2. Masalah perparitan serta longkang<br>3. Gangguan dari hidupan liar<br>4. Masalah kecurian dan aktiviti sosial |
| **Cadangan** | 1. Melaksanakan pembersihan sungai dan perkongsian makluman tentang kawalan banjir bersama penduduk yang terlibat |
| **Kumpulan Terjejas** | • Komuniti banjir<br>• Penduduk setempat |
| **Kawasan** | • Mangsa banjir di kampung Padang lebar, Geylang, Jelutong, Satelit, Keru dan Teretak, Dun Juasseh<br>• Kawasan Parlimen Kuala Pilah |
| **SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA** | |
| **SDG yang berkaitan** | **Sasaran SDG Berkaitan** |
| Matlamat 3: Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik. | **Sasaran 3.5**: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan |
| Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan. | **Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain |
| Matlamat 13: Perubahan Iklim, Dasar, Strategi & Pelan Negara | **Sasaran 13.b**: Menggalakkan mekanisme untuk meningkatkan keupayaan bagi perancangan dan pengurusan berkaitan perubahan iklim yang berkesan di negara kurang membangun dan negara pulau kecil membangun, termasuk tumpuan pada wanita, belia, masyarakat tempatan dan golongan terpinggir |

| | |
|---|---|
| Matlamat 15: Kehidipan Darat | **Sasaran 15.2**: Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan mampan bagi semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang mengalami kemerosotan dan meningkatkan dengan ketara penghutanan dan penghutanan semula secara global<br><br>**Sasaran 15.3**: Menjelang 2030, mencegah penggurunan, memulihkan tanah-tanih yang mengalami kemerosotan, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia tanpa kemerosotan tanah |
| Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh. | **Sasaran 16.a** Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah |
| Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat. | **Sasaran 17.9**: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama<br><br>**Sasaran 17.15**: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan |

**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15


**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari**

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

https://appgm -sdg.com/